

Mandat Pelaburan

Great
Eastern
TAKAFUL

Dana

Dana i-Makmur

Objektif Baru Dana

Dana yang dilaburkan dalam sekuriti-sekuriti pendapatan tetap Islamik seperti sukuk kerajaan dan korporat (berkadar dari 40% ke 100%) serta deposit Islamik. Tujuan dana adalah untuk memberi pulangan konsisten pada kadar turun naik yang rendah. Walaupun dana ini umumnya dilaburkan dalam Malaysia, sebahagiannya juga dilaburkan dalam sekuriti-sekuriti pendapatan tetap asing yang diluluskan oleh Syariah (sehingga 50%) untuk meningkatkan pulangan. Dana i-Makmur hanya dilaburkan dalam sekuriti-sekuriti patuh Syariah.

Pertimbangan

Oleh sebab saiz dana dijangka lebih besar pada masa hadapan, peruntukan tunai 5% telah menjadi kos peluang yang ketara untuk dana ini yang sebaliknya boleh dilaburkan dalam instrumen-instrumen pendapatan tetap dengan pulangan lebih tinggi berbanding peletakan deposit Islamik.

Dengan jangkaan saiz dana yang akan berkembang, kami juga membenarkan sebahagian peruntukan untuk dilaburkan dalam sekuriti-sekuriti pendapatan tetap asing yang diluluskan oleh Syariah (sehingga 50%), bagi meningkatkan lagi pulangan dana.



Dana-dana Berkaitan Pelaburan Great Eastern Takaful Berhad


Great
Eastern
TAKAFUL

**Penyata Pengurus dan Maklumat
Kewangan yang Telah Diaudit
31 Disember 2014**



Kandungan

- 3** Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif
- 5** Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan
- 6** Objektif-objektif Dana
- 7** Ulasan dan Tinjauan Pelaburan
- 11** Prestasi Dana 2014
- 12** Perbandingan Prestasi Dana
- 15** Penyata oleh Pengurus
- 16** Laporan Jawatankuasa Syariah
- 17** Laporan Juruaudit Luar
- 19** Penyata Aset dan Liabiliti
- 20** Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan
- 22** Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 24** Nota kepada Maklumat Kewangan
- 56** Soalan-soalan Lazim





Struktur Kewangan Islam amat sesuai bagi skim ini sebagai satu strategi pengecualian. Pelaburan bertanggungjawab ini adalah cara terkini dan strategi patuh Syariah yang diguna pakai oleh GETB dan industri Kewangan Islam mungkin menjadi kunci kejayaannya.

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Assalamualaikum dan salam sejahtera daripada Great Eastern Takaful Berhad (“GETB”). Kami berbesar hati untuk melaporkan Laporan Tahunan 2014 Dana Berkait-Pelaburan GETB (“ILF”) yang terdiri daripada Dana i-Makmur, Dana i-Mekar dan Dana i-Majmuk untuk tahun berakhir 31 Disember 2014.

Tahun 2014 amat mencabar bagi industri takaful. Pada peringkat global, sumbangan kasar takaful dianggarkan mencapai AS\$14 bilion pada tahun 2014 berbanding dengan anggaran sumbangan AS\$12.3 bilion pada tahun 2013. Dunia telah menyaksikan pertumbuhan tahun ke tahun sumbangan takaful jatuh ke kadar pertumbuhan tahunan kompaun (“CAGR”) 14% daripada CAGR 22% pada 2013¹. Bagi Malaysia dan negara-negara ASEAN seperti Indonesia, Brunei, Singapura dan Thailand, mereka terus mencapai pertumbuhan tahunan terkompaun (“CAGR”) yang sihat sebanyak 22%, didorong oleh kekuatan ekonomi yang dinamik dan demografi usia muda. Sebagai asas perbandingan, negara-negara Majlis Kerjasama Teluk (“GCC”) mencatatkan pertumbuhan CAGR sebanyak 12%.

Pada 2014, bahagian terbesar daripada sumbangan kasar takaful jatuh kepada akaun koperasi-koperasi Arab Saudi yang merangkumi hampir separuh (48%) daripada sumbangan kasar global. Negara-negara ASEAN, terutamanya Malaysia dan Indonesia, menyumbang hampir satu pertiga (33%) daripada jumlah sumbangan kasar global manakala negara-negara GCC yang lain menyumbang sebanyak 15%.

Malaysia sentiasa dianggap sebagai pasaran Takaful keluarga yang mempunyai pertumbuhan yang kukuh dan stabil. Jumlah sumbangan bersih takaful keluarga mencecah hampir RM4.5 bilion diikuti dengan pertumbuhan kukuh daripada produk-produk sumbangan tetap. Penglibatan pengawal selia dalam Malaysia senantiasa berkembang dengan pengenalan konsep kertas kerja terbaru Bank Negara Malaysia (“BNM”) iaitu rangka kerja Life Insurance and Family Takaful for Everyone (“LIFE”). Rangka kerja LIFE ini mencadangkan pelbagai usaha peningkatan daripada fleksibiliti operasi, pemberitahuan produk dan saluran edaran sehingga ke amalan pasaran.

Malaysia sentiasa meletakkan dirinya sebagai hab kewangan Islam yang terpilih; dalam usaha untuk menarik pelaburan portfolio kewangan Islam ke tanahnya. Inisiatif kukuh kerajaan melalui Pelan Sektor Kewangan dan Pelan Induk Pasaran Modal 2 Suruhanjaya Sekuriti (“SC”) telah menyaksikan pertumbuhan yang pesat dalam Sektor Kewangan Islam sejak beberapa tahun ini.

Apabila syarikat-syarikat mula mengubah model perniagaan mereka untuk disesuaikan kepada perubahan kawalselia dan lanskap pasaran, aktiviti-aktiviti penggabungan dan pemerolehan (“M&A”) mula melonjak. Di Malaysia, industri takaful dan insurans menarik minat peserta-psereta baru dari luar Negara. Peserta-peserta asing ini menunjukkan minat mereka untuk mengambil alih syarikat pengendali takaful dan insurans tempatan dalam usaha untuk mengembangkan kehadiran mereka di rantau ini. Di antara penggabungan dan pemerolehan yang ketara ialah pakatan Khazanah Nasional Berhad dengan Sun Life Financial Inc dalam pengambilalihan 98% dari CIMB Aviva Assurance Berhad sebanyak RM1.8 bilion dan pengambilalihan American International Assurance Berhad dalam 60% kepentingan dari ING dalam ING Public Takaful Ehsan Berhad.

¹ Sumber: EY Global Takaful Insights 2014

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif (sambungan)

Di peringkat dunia, aset industri kewangan Islam dijangka melebihi AS\$2.5 trilion² pada tahun 2015 apabila industri merealisasikan aset berjumlah AS\$2.1 trilion pada tahun 2014, disebabkan oleh pasaran tradisional yang terkenal seperti Malaysia dan Timur Tengah dan dirangsang oleh pergerakan ke dalam pasaran baru di Eropah, Australia dan China. Unjuran daripada aset Kewangan Islam sebanyak AS\$2.5 trilion, aset takaful mewakili hanya 2% berbanding dengan 86% daripada aset perbankan Islam. Industri Kewangan Islam didorong oleh sekitar 1500 syarikat di seluruh dunia, di dalam lebih daripada 90 negara, yang mana 40% daripadanya adalah negara-negara bukan Islam. Sekali lagi, ini membuka peluang kepada lonjakan sektor takaful ke landasan pertumbuhan yang pesat berlatarbelakangkan perkembangan pesat dunia kewangan Islam.

Pada masa ini, industri Kewangan Islam telah mengukuhkan kedudukannya dalam pelaburan yang beretika dan ruang kewangan yang ‘adil’. Apa yang bermula sebagai satu gerakan kecil dalam mengelak daripada melabur dalam saham yang tidak patuh syariah telah berkembang kepada kaedah yang lebih canggih yang mempertimbangkan kriteria alam sekitar, sosial dan tadbir urus (“ESG”) dalam membuat keputusan pelaburan. Istilah pelaburan ESG yang bertanggungjawab ini digunakan secara meluas dan mengandungi pelbagai pendekatan dan strategi yang berbeza. Terdapat pasaran yang luas untuk dimensi pelaburan yang bertanggungjawab dan yang mempertimbangkan aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus. Struktur Kewangan Islam amat sesuai bagi skim ini sebagai satu strategi pengecualian. Pelaburan bertanggungjawab ini adalah cara terkini dan strategi patuh Syariah yang diguna pakai oleh GETB dan industri Kewangan Islam mungkin menjadi kunci kejayaannya.

Kami terus berbangga bahawa aset di bawah pengurusan GETB adalah 100% patuh Syariah dan kami tetap yakin dengan komitmen kami terhadap pemilik sijil kami sebagaimana kami tetap dengan komitmen kami terhadap Allah SWT. Kami menghargai sokongan dan kepercayaan anda dalam sumbangan Takaful berkait-pelaburan anda.

Terima kasih.

Bagi Great Eastern Takaful Berhad,

Zafri Ab Halim
Ketua Pegawai Eksekutif

² Sumber: AlHuda Centre of Islamic Banking and Economics (“CIBE”)

Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan

Ahli Jawatankuasa

En. Zafri Ab Halim (Pengerusi)
Ketua Pegawai Eksekutif

En. Hafidz Hamzah
Ketua, Pelaburan

Pn. Rozita Ali
Ketua, Kewangan

En. Shizal Fisham Ramli
Ketua, Aktuari dan Produk

Pn. Syahriza Senan
Ketua, Pengurusan Risiko dan Pematuhan

Penasihat

Dr. Ahmad Basri Ibrahim (Pengerusi)

Dr. Wan Sabri Wan Yusof

Dr. Akhtarzaite Abdul Aziz

Dr. Mohamad Sabri Zakaria

Dr. Siti Salwani Razali

Dr. Mahamad Arifin

Setiausaha

Pn. Syahriza Senan

Objektif-objektif Dana

Dana i-Makmur


Sebuah dana yang melabur di dalam sekuriti Islam pendapatan tetap, contohnya sukuk kerajaan dan korporat (daripada 40% hingga 95%) dan bakinya dilabur dalam deposit dengan institusi kewangan Islam. Dana ini bertujuan untuk memberikan pulangan konsisten pada pergolakan berparas rendah. Dana i-Makmur hanya melabur dalam sekuriti patuh Syariah.

Dana i-Mekar

Sebuah dana di mana 80% hingga 100% pelaburannya adalah di dalam ekuiti patuh Syariah, yang mungkin bergolak dalam jangka pendek. Dana ini bertujuan untuk memperoleh peningkatan modal jangka sederhana ke panjang. Sungguhpun dana ini dilaburkan terutamanya di Malaysia (80% – 100%), sebahagiannya boleh dilaburkan di Singapura (sehingga 25%) dan Hong Kong (sehingga 25%) jika perlu, bagi meningkatkan pulangan dana. Dana i-Mekar hanya dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah.

Dana i-Majmuk

Sebuah dana yang melabur di dalam ekuiti patuh Syariah, sekuriti pendapatan tetap dan deposit dengan institusi kewangan Islam. Terdapat fleksibiliti dalam peruntukan aset kerana dana ini boleh dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap atau ekuiti patuh Syariah sepenuhnya. Dana ini bertujuan untuk memberikan peningkatan modal jangka sederhana ke panjang, dengan pergolakan pada paras sederhana. Dana i-Majmuk hanya dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah.



Ulasan dan Tinjauan Pelaburan

Ulasan Pasaran Ekuiti 2014

Tahun 2014 merupakan tahun yang agak positif bagi ekuiti di mana Indeks Dunia MSCI mencatatkan keuntungan +2.9%. Pasaran negara maju mencatat prestasi yang lebih baik berbanding pasaran negara baru muncul, didorong terutamanya oleh pemulihan ekonomi di Amerika Syarikat (AS). Dasar kadar faedah yang akomodatif di seluruh dunia dan prospek pengukuhan di AS membantu menaikkan pasaran global walaupun dengan tinjauan yang kurang optimistik bagi Eropah dan Jepun serta kejatuhan harga komoditi pada separuh kedua tahun. Di Asia, Indeks Morgan Stanley Capital International Asia tidak termasuk Jepun ("MSCI Asia tidak termasuk Jepun") meningkat sedikit kepada +2.2% pada akhir tahun. Kebanyakan pasaran menunjukkan prestasi yang baik pada separuh pertama tahun ini tetapi kehilangan momentum apabila pengukuhan dolar AS dan kejatuhan harga minyak mengakibatkan kejatuhan pasaran Asia, justeru, memadamkan peningkatan terdahulu. Walau bagaimanapun, kebanyakan pasaran Asia berjaya mencatatkan prestasi positif kecuali Malaysia dan Korea.

Dari segi domestik, Malaysia mencatatkan prestasi yang kurang baik di rantau ini di mana Indeks Shariah Bursa Malaysia FTSE (FBMS) jatuh 4.2% pada tahun ini. Indeks ini bermula dengan agak optimistik pada permulaan tahun dan mencecah paras tertinggi pada bulan Julai. Walau bagaimanapun, ia mencatat penurunan pada separuh kedua tahun dengan keimbangan terhadap pergantungan hasil minyak Malaysia berikutan kejatuhan harga minyak, mata wang yang semakin lemah, defisit belanjawan yang lebih tinggi dan unjuran pertumbuhan KDNK yang lebih rendah.

Tinjauan Pasaran Ekuiti 2015

Melangkah ke tahun 2015, kami berpendapat bahawa pemulihan ekonomi global masih lembap. Harga minyak yang rendah, yang telah menyaksikan pemindahankekayaan daripada pengeksport minyak bersih kepada pengimpor bersih, mempunyai kesan agak positif kepada ekonomi global di mana pengguna mempunyai pendapatan boleh guna yang lebih untuk berbelanja. Pada tahun ini, kami menyaksikan dasar kewangan Amerika Syarikat yang berbeza daripada negara-negara lain. Dalam persekitaran pemulihan ekonomi yang lembap dan lemah, kebanyakan bank-bank pusat utama seperti Bank Pusat Eropah (European Central Bank atau "ECB"), Bank of Japan ("BOJ"), dan Bank of China ("BOC") mengamalkan dasar kewangan yang akomodatif. Di sebaliknya, Amerika Syarikat ("AS") pula akan memulakan mod pengetatan kadar faedah pada penghujung tahun ini. Perbezaan ini akan terus membantu pengukuhan dolar AS serta aliran masuk dana bersih ke AS dari rantau lain.

Ulasan dan Tinjauan Pelaburan (sambungan)

Tinjauan Pasaran Ekuiti 2015 (sambungan)

Di dalam negara, kami mengambil pendekatan berhati-hati terhadap pasaran saham pada tahun ini. Ini disebabkan prospek ekonomi Malaysia adalah jauh lebih rendah berbanding negara-negara setaranya memandangkan statusnya sebagai pengekspor minyak dan gas bersih. Ekonomi negara menghadapi cabaran kerana harga minyak yang rendah telah melemahkan defisit fiskal negara, akaun semasa dan pertumbuhan KDNK. Dengan kedudukan fiskal dan akaun semasa yang lebih lemah, Ringgit akan terus menghadapi tekanan manakala Bank Negara kemungkinannya akan mengekalkan kadar faedah. Perbelanjaan penggunaan dijangka lembap memandangkan hutang isi rumah yang tinggi, sentimen pengguna yang lemah, dan kesan GST. Di samping itu, perbelanjaan kerajaan dikekang oleh keperluan untuk mengukuhkan kedudukan fiskal. Sebaliknya, eksport yang menyaksikan pemulihan baik dari asas yang rendah pada tahun lepas amat bergantung kepada tahap pemulihan ekonomi global. Dari segi penilaian, walaupun PER Malaysia telah diselaraskan ke bawah berikutan jualan meluas di pasaran baru-baru ini, ia masih tidak menarik kerana ia diniagakan pada tahap lebih tinggi berbanding purata jangka panjang dan negara-negara setaranya di Asia. Tambahan pula, kami menjangka momentum pendapatan yang negatif kerana jangkaan sepakat untuk pendapatan korporat adalah terlalu optimistik. Pada kesimpulannya, Malaysia tidak mempunyai pemangkin penarafan semula dan oleh itu, ia dijangka mencatat prestasi lebih rendah tahun ini berbanding negara-negara setaranya di Asia.

Ulasan Pasaran Pendapatan Tetap 2014

Pasaran pendapatan tetap global berakhir tahun ini lebih baik daripada yang dijangkakan, walaupun dengan jangkaan penamatan program rangsangan ekonomi di AS. Tahun 2014 bermula dengan jualan meluas dalam Pasaran Baru Muncul (Emerging Markets atau "EM") dicetuskan oleh jangkaan peralihan aliran modal kembali ke AS apabila Rizab Persekutuan (Federal Reserve atau "Fed") AS menamatkan program pelonggaran kuantitatifnya (quantitative easing atau "QE"). Sentimen mula beralih apabila Fed menyampaikan pendirian kurang agresif bagi mengekalkan persekitaran kadar faedah yang rendah untuk tempoh lebih lama daripada jangkaan berikutnya pertumbuhan gaji yang lembap dan kadar inflasi yang berada di bawah sasaran rasmi 2%. Di samping itu, pelonggaran dasar di Eropah dan Jepun telah membantu mengurangkan kebimbangan terhadap kecairan global yang semakin berkurang akibat penamatan QE di AS.

Ulasan dan Tinjauan Pelaburan (sambungan)

Ulasan Pasaran Pendapatan Tetap 2014 (sambungan)

Di dalam negara, pelabur pasaran pendapatan tetap berhati-hati menjelang kenaikan 25 mata asas dalam Kadar Polisi Sempalaman (Overnight Policy Rate atau “OPR”) oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”) pada Julai 2014. OPR dinaikkan daripada 3.00% kepada 3.25% memandangkan perkembangan ekonomi Malaysia sebanyak 6.3% pada separuh pertama tahun 2014, disokong oleh aktiviti pelaburan domestik yang mampan. Berikut itu, BNM menghentikan kenaikan kadar selanjutnya buat sementara waktu apabila pertumbuhan ekonomi Malaysia menurun kepada 5.6% pada suku ketiga tahun 2014. Di samping itu, jangkaan pertumbuhan eksport yang lebih perlahan dan penggunaan swasta yang sederhana oleh bank pusat pada separuh kedua tahun 2014 menandakan penamatkan kenaikan kadar faedah bagi tahun ini. Sentimen pasaran bertambah baik berikutan itu, justeru, menyebabkan hasil yang lebih rendah bagi kedua-dua bon berdaulat dan korporat.

Walau bagaimanapun, sentimen global menerima pukulan hebat apabila harga minyak mentah Brent jatuh mendadak kira-kira 40% pada suku keempat tahun 2014 hasil daripada lebihan bekalan dari pengeluaran gas Shal di AS dan tinjauan permintaan yang lebih lemah akibat kelembapan ekonomi dunia utama termasuk China, Eropah dan Jepun. Memandangkan bahawa hasil berkaitan minyak menyumbang kira-kira 30% daripada jumlah pendapatan kerajaan di Malaysia, keimbangan mengenai defisit belanjawan dan risiko semakan ke bawah untuk tinjauan penarafan berdaulat negara menyebabkan pelabur asing mengurangkan pegangan mereka dalam kedua-dua ekuiti dan Sukuk Malaysia, khususnya untuk bil jangka pendek. Hasil penanda aras 10 tahun Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issue atau “GII”) meningkat kepada 4.41% daripada 4.15% pada akhir November 2014, sebelum menutup pada 4.24% pada akhir tahun. Ringgit mengakhiri tahun sebagai mata wang dengan prestasi paling teruk di Asia tidak termasuk Jepun.

Pada dasar tahun ke tahun, hasil jangka panjang GII (tempoh matang 10 tahun dan ke atas) jatuh 5-20 mata asas pada penilaian yang lebih baik secara relatif berbanding GII tempoh jangka pendek hingga sederhana (tempoh matang di bawah 10 tahun). Namun demikian, hasil GII jangka pendek hingga sederhana meningkat 7-25 mata asas disebabkan oleh kenaikan OPR sebanyak 25 mata asas dan Ringgit yang lebih lemah. Dalam pasaran Sukuk Korporat, hasil keseluruhan meningkat 6-25 mata asas di sepanjang tempoh. Penyebaran kredit jangka pendek diketatkan sedikit manakala penyebaran kredit untuk tempoh pertengahan hingga panjang meningkat 4-18 mata asas apabila hasil korporat melembapkan pergerakan dalam GII.

Sementara itu, sebagai tindak balas kepada harga minyak yang berjatuhan, kerajaan Malaysia telah menyemak semula sasaran defisit belanjawan 2015 daripada 3.0% kepada 3.2%, manakala unjuran pertumbuhan ekonomi negara telah disemak ke bawah dari 5%-6% ke 4.5%-5.5%

Tinjauan Pasaran Pendapatan Tetap Ringgit 2015

Prospek pertumbuhan global mungkin kekal lembap pada tahun 2015 berikutan pemulihan sederhana dalam ekonomi maju utama termasuk Eropah dan Jepun, serta ekonomi yang perlahan di China. Tinjauan inflasi yang rendah, malah deflasi bagi sesetengah negara, akibat jangkaan harga komoditi yang rendah, menyebabkan beberapa negara di seluruh dunia terus melonggarkan dasar kewangan mereka. Ini termasuk Eropah, Jepun, Kanada, Australia dan rantau Asia seperti China, India dan Korea Selatan. Kadar AS juga mungkin kekal rendah untuk tempoh lanjut sehingga pertumbuhan gaji yang lebih mampan dapat disaksikan dan sasaran inflasi Fed dipenuhi. Ini mungkin dapat memberi sokongan kepada Perbendaharaan AS tahun ini.


Walaupun Fed telah menamatkan program QEnya, Bank Pusat Eropah dan Bank of Japan akan terus melonggarkan dasar kewangan mereka. Ini dapat mengurangkan keimbangan mengenai kecairan global yang semakin berkurangan berikutan penamatan program QE AS. Dasar kewangan ekonomi utama dunia akan terus menjelaskan sentimen dan jangkaan aliran modal ke dan dari EM termasuk Malaysia. Risiko potensi penamatan kedudukan bon berdaulat oleh pelabur asing memandangkan hak milik asing masa kini yang tinggi, iaitu kira-kira 44% daripada jumlah MGS terkumpul, juga boleh menyebabkan keadaan turun naik dalam pasaran bon domestik pada tahun 2015.

Berdasar pada prospek pertumbuhan global semasa yang lembap, Malaysia dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan pada tahun 2015. Walaupun kerajaan kekal komited dalam usaha penyatuan fiskal melalui penghapusan subsidi bahan api dan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax atau “GST”) pada April 2015, trajektori pertumbuhan, kedudukan akaun semasa, keimbangan liabiliti luar jangka kerajaan serta jumlah defisit belanjawan di Malaysia akan dipantau dengan teliti oleh agensi penarafan antarabangsa. Ia mungkin terlalu awal untuk mengurangkan OPR oleh bank pusat, namun, tumpuan akan diberi kepada pertumbuhan ekonomi domestik dan kesan harga minyak yang rendah. Jika risiko ke bawah terhadap pertumbuhan tidak berlaku dengan ketara berikutan pelaksanaan GST pada April 2015, BNM dijangka mengekalkan kestabilan OPR pada 3.25% untuk tahun 2015. Pada kesimpulannya, pasaran bon domestik dijangka kekal bergolak dipengaruhi oleh data makro termasuk pertumbuhan KDNK, defisit fiskal, pergerakan mata wang dan penilaian berdaulat. Satu-satunya senario positif mungkin akan melibatkan inflasi yang sederhana dan prospek kadar faedah yang stabil di Malaysia.


Prestasi Dana 2014

(Prestasi Tahun Lengkap)

Dana i-Makmur



Dana i-Mekar



Dana i-Majmuk



Perbandingan Prestasi Dana

Dana i-Makmur

	2014 (RM)	2014 (%)
I. Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan Bon Korporat & Instrumen Pasaran Modal Hibrid		
Bahan Pembinaan/Pembangunan	1,495,200	10.67%
Perkhidmatan kewangan	2,814,385	20.09%
Tenaga	1,108,548	7.91%
Lebuhraya	485,583	3.47%
Hartanah	1,309,482	9.35%
Pertanian	2,519,465	17.98%
Pengangkutan	1,303,861	9.31%
Utiliti/Infrastruktur	888,051	6.34%
	<hr/> 11,924,575	85.11%
Aset berisiko rendah		
Tunai & Deposit	2,086,660	14.89%
Jumlah	<hr/> 14,011,235	100.00%
II. Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	14,011,235	–
III. Bilangan unit	11,379,976	–
IV. NAV setiap unit	1.231	–
V. NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.231	–
VI. NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.175	–
VII. Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%) Pertumbuhan modal	–	4.50%
VIII. Jumlah pulangan (%) Satu tahun	–	4.50%
Tiga tahun	–	14.63%
IX. Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan – Deposit Mudharabah 12 Bulan (%)	–	3.21%
Satu tahun	–	3.21%
Tiga tahun	–	9.94%

Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

Dana i-Mekar

	2014 (RM)	2014 (%)
I. Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan Ekuriti patuh syariah		
Bahan Pembinaan/Pembangunan	4,885,000	13.69%
Konglomerat	1,516,350	4.25%
Petroleum, Kimia & Gas	3,548,134	9.95%
Sumber Asas	2,688,000	7.53%
Hartanah	4,699,500	13.17%
Telekomunikasi & Kabel	4,104,935	11.51%
Pengangkutan	2,308,500	6.47%
Lain-lain	1,564,500	4.39%
Utiliti/Infrastruktur	3,580,750	10.04%
	<hr/>	<hr/>
	28,895,669	80.99%
Aset berisiko rendah		
Tunai & Deposit	6,780,437	19.01%
Jumlah	<hr/>	<hr/>
	35,676,106	100.00%
II. Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	35,676,106	–
III. Bilangan unit	26,328,038	–
IV. NAV setiap unit	1.355	–
V. NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.545	–
VI. NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.312	–
VII. Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%) Pertumbuhan modal	–	-5.40%
VIII. Jumlah pulangan (%) Satu tahun	–	-5.38%
Tiga tahun	–	36.73%
IX. Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan – FBMS (%) Satu tahun	–	-4.17%
Tiga tahun	–	21.42%

Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

Dana i-Majmuk

	2014 (RM)	2014 (%)
I. Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan Bon Korporat & Instrumen Pasaran Modal Hibrid		
Bahan Pembinaan/Pembangunan	2,119,500	11.93%
Konglomerat	551,400	3.10%
Petroleum, Kimia & Gas	1,609,510	9.06%
Sumber Asas	555,578	3.13%
Hartanah	2,053,992	11.56%
Telekomunikasi & Kabel	2,504,400	14.10%
Pengangkutan	841,700	4.74%
Lain-lain	951,700	5.36%
Utiliti/Infrastruktur	1,763,500	9.93%
	<hr/> 12,951,280	<hr/> 72.92%
Aset berisiko rendah		
Tunai & Deposit	4,810,092	27.08%
Jumlah	<hr/> 17,761,372	<hr/> 100.00%
	<hr/>	<hr/>
II. Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	17,761,372	–
III. Bilangan unit	14,611,519	–
IV. NAV setiap unit	1.216	–
V. NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.361	–
VI. NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.181	–
VII. Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%) Pertumbuhan modal	–	-5.59%
VIII. Jumlah pulangan (%) Satu tahun	–	-5.59%
Tiga tahun	–	24.08%
IX. Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan – penanda aras berwajaran (%)	–	-0.48%
Satu tahun	–	15.68%
Tiga tahun	–	15.68%

Penyata oleh Pengurus

Kami, Datuk Kamaruddin bin Taib dan Dato Koh Yaw Hui, selaku dua daripada Pengarah Great Eastern Takaful Berhad, berpendapat bahawa maklumat kewangan Dana-dana Berkaitan Pelaburan Great Eastern Takaful Berhad, yang terdiri daripada Dana i-Makmur, Dana i-Mekar dan Dana i-Majmuk yang dibentangkan pada mukasurat 19 hingga 55 telah disediakan selaras dengan polisi-polisi perakaunan sebagaimana dinyatakan dalam Nota 2.2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Insurans Berkaitan Pelaburan/Perniagaan Takaful dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Bagi pihak Great Eastern Takaful Berhad,

Datuk Kamaruddin bin Taib

Dato Koh Yaw Hui

Kuala Lumpur, Malaysia

29 Januari 2015

Laporan Jawatankuasa Syariah

Kepada pemegang-pemegang unit dana berkaitan pelaburan **Great Eastern Takaful Berhad**,

Kami, Dr. Ahmad Basri Ibrahim dan Dr. Mohamad Sabri Zakaria, selaku dua orang ahli Jawatankuasa Syariah untuk Dana i-Makmur, Dana i-Mekar dan Dana i-Majmuk (secara kolektifnya dikenali sebagai “Dana-dana”) berpendapat bahawa Great Eastern Takaful Berhad (“Pengurus”), telah memenuhi tanggungjawab mereka mengikut cara-cara berikut untuk tahun kewangan 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014.

Pada pendapat kami:

- a. Bagi tempoh di bawah tinjauan, Dana i-Mekar dan Dana i-Majmuk telah dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah selaras dengan senarai sekuriti yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti; dan
- b. Dana i-Makmur telah dilaburkan menurut senarai sekuriti yang diluluskan oleh Syariah yang diterbitkan oleh Rating Agency Malaysia Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad.

Ditandatangani bagi pihak Jawatankuasa Syariah,

Dr. Ahmad Basri Ibrahim

Dr. Mohamad Sabri Zakaria

Kuala Lumpur, Malaysia
29 Januari 2015

Laporan Juruaudit Luar

Kepada Pemegang-pemegang Unit Dana-dana Berkaitan Pelaburan
Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

Laporan untuk penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan untuk Dana i-Makmur, Dana i-Mekar dan Dana i-Majmuk (secara kolektif dikenali sebagai “Dana-dana”), yang terdiri daripada penyata aset dan liabiliti pada 31 Disember 2014, penyata perbelanjaan dan pendapatan, penyata perubahan dalam nilai aset bersih bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, dan ringkasan polisi perakaunan yang penting dan nota-nota penjelasan lain, seperti yang dinyatakan pada muka surat 19 hingga 55.

Tanggungjawab para Pengarah maklumat kewangan

Para Pengarah kepada Pengurus adalah bertanggungjawab bagi penyediaan maklumat kewangan selaras dengan polisi-polisi perakaunan sebagaimana dinyatakan dalam Nota 2.2 kepada maklumat kewangan dan Garis panduan mengenai Insurans berkaitan Pelaburan/Perniagaan Takaful dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, dan bagi kawalan dalaman tertentu sebagaimana para pengarah menganggap sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan maklumat kewangan yang adalah bebas daripada salah nyataan ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesalahan.

Tanggungjawab juruaudit

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat tentang penyata kewangan ini berdasarkan audit yang dilaksanakan. Kami telah melaksanakan audit tersebut menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut mewajibkan kami mematuhi tuntutan etika serta merancang dan melaksanakan audit untuk memperoleh keyakinan munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk memperolehi bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam maklumat kewangan. Prosedur yang dipilih ini bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuatkan penilaian risiko tersebut, kami mengambil kira kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan maklumat kewangan selaras dengan polisi perakaunan sebagaimana dinyatakan dalam Nota 2.2 maklumat kewangan dan garis panduan mengenai Insurans Berkaitan Pelaburan/Perniagaan Takaful dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia untuk membentuk prosedur-prosedur audit yang sesuai mengikut keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dana. Sesuatu audit juga termasuk penilaian kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh Pengurus, serta menilai pembentangan keseluruhan maklumat kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai bagi menyediakan dasar untuk pendapat kami.

Laporan Juruaudit Luar (sambungan)
Kepada Pemegang-pemegang Unit Dana-dana Berkaitan Pelaburan
Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

Pendapat

Pada pendapat kami, maklumat kewangan telah disediakan sewajarnya, dalam semua hubungan material, selaras dengan polisi-polisi perkaunan sebagaimana dinyatakan dalam Nota 2.2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Insurans Berkaitan Pelaburan/Perniagaan Takaful dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Perkara-perkara lain

Laporan ini disediakan khas untuk pemegang-pemegang unit Dana, sebagai sebuah badan, selaras dengan Garis Panduan mengenai Insurans Berkaitan Pelaburan/Perniagaan Takaful dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia adan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana individu lain bagi kandungan laporan ini.

Ernst & Young

AF: 0039

Akauntan Bertauliah

Brandon Bruce Sta Maria

No. 2937/09/15(J)

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

29 Januari 2015

Penyata Aset dan Liabiliti

Pada 31 Disember 2014

	Nota	2014			2013		
		Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM
Aset							
Pelaburan	3	14,164,575	37,115,669	17,931,280	9,961,060	14,810,690	9,695,178
Cukai belum terima		–	53,930	30,754	–	–	–
Aset cukai tertunda	4	2,997	8,770	–	5,200	–	–
Lain-lain pengutang	6	327,051	97,332	1,011,128	729,497	1,458,455	1,104,701
Tunai dan baki bank		45,500	75,724	146,839	91,912	133,607	100,222
Jumlah Aset		14,540,123	37,351,425	19,120,001	10,787,669	16,402,752	10,900,101
Liabiliti							
Peruntukan bagi cukai		18,127	–	–	98,577	10,949	5,614
Liabiliti cukai tertunda	4	–	–	14,482	–	190,911	134,136
Lain-lain pembiutang	7	347,758	1,564,217	1,315,377	523,543	1,238,786	985,420
Jumlah Liabiliti		365,885	1,564,217	1,329,859	622,120	1,440,646	1,125,170
Nilai aset bersih dana (“NAV”)		14,174,238	35,787,208	17,790,142	10,165,549	14,962,106	9,774,931
Diwakili oleh:							
Modal pemegang-							
pemegang unit		12,417,552	34,454,968	16,634,593	9,055,203	12,251,502	7,921,339
Keuntungan terkumpul		1,756,686	1,332,240	1,155,549	1,110,346	2,710,604	1,853,592
Akaun pemegang-	5	14,174,238	35,787,208	17,790,142	10,165,549	14,962,106	9,774,931
Unit dalam edaran	5	11,379,976	26,328,038	14,611,519	8,557,989	10,250,756	7,546,915
NAV setiap unit (RM)	5	1.246	1.359	1.218	1.188	1.460	1.295

Nota yang dilampirkan membentuk sebahagian penting maklumat kewangan ini.

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2014

Nota	2014			2013		
	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM
Pendapatan pelaburan bersih						
Keuntungan daripada deposit dengan institusi kewangan Islam	50,392	79,637	88,648	49,167	31,290	61,342
Keuntungan daripada sekuriti hutang korporat patuh Syariah	459,426	–	–	265,848	–	26,335
Keuntungan daripada sekuriti kerajaan Malaysia	37,207	–	–	37,083	–	1,820
Pendapatan dividen	–	496,582	221,624	–	215,929	128,915
Perbelanjaan pelaburan	–	(193,159)	(78,760)	–	(82,624)	(38,626)
	547,025	383,060	231,512	352,098	164,595	179,786
Keuntungan atas pelupusan pelaburan	103,509	890,561	643,394	86,412	587,702	368,149
Keuntungan modal tidak direalisasi bersih	27,540	–	–	–	1,744,181	1,106,913
Lain-lain pendapatan	113	189	160	110	164	116
Jumlah pendapatan	678,187	1,273,810	875,066	438,620	2,496,642	1,654,964
Kerugian modal tidak direalisasi bersih	–	(2,496,043)	(1,495,676)	(94,755)	–	–
Caj pengurusan aset	(59,815)	(309,233)	(146,713)	(43,320)	(121,572)	(91,421)
Lain-lain perbelanjaan	(2,156)	(3,785)	(2,122)	(2,912)	309	(2,450)
Jumlah perbelanjaan	(61,971)	(2,809,061)	(1,644,511)	(140,987)	(121,263)	(93,871)

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan (sambungan) Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2014

Nota	2014			2013			
	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM	
Lebihan pendapatan atas perbelanjaan/(lebihan perbelanjaan atas pendapatan) sebelum cukai							
Cukai	8	616,216 30,124	(1,535,251) 156,887	(769,445) 71,402	297,633 (18,447)	2,375,379 (172,535)	1,561,093 (105,683)
Pendapatan/(perbelanjaan) bersih bagi tahun		646,340	(1,378,364)	(698,043)	279,186	2,202,844	1,455,410
Pendapatan tidak diagih dibawa ke hadapan		1,110,346	2,710,604	1,853,592	831,160	507,760	398,182
Pendapatan/(perbelanjaan) bersih bagi tahun		646,340	(1,378,364)	(698,043)	279,186	2,202,844	1,455,410
Pendapatan tidak diagih dihantar ke hadapan		1,756,686	1,332,240	1,155,549	1,110,346	2,710,604	1,853,592
Analisa pendapatan/(perbelanjaan) selepas cukai:							
Keuntungan direalisasikan		618,800	1,117,679	797,633	373,941	458,663	348,497
Keuntungan/(kerugian) belum direalisasikan		27,540	(2,496,043)	(1,495,676)	(94,755)	1,744,181	1,106,913
		646,340	(1,378,364)	(698,043)	279,186	2,202,844	1,455,410

Nota yang dilampirkan membentuk sebahagian penting maklumat kewangan ini.

Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2014

	2014			2013		
	Dana i-Makmur Modal pemegang- pemegang-	Dana i-Makmur Keuntungan unit RM	Dana i-Makmur Jumlah RM	Dana i-Makmur Modal pemegang- pemegang-	Dana i-Makmur Keuntungan unit RM	Dana i-Makmur Jumlah RM
	unit	terkumpul RM	Jumlah RM	unit	terkumpul RM	Jumlah RM
NAV pada permulaan tahun kewangan						
Pendapatan bersih bagi tahun	9,055,203	1,110,346	10,165,549	6,825,810	831,160	7,656,970
Jumlah diterima daripada unit-unit dibentuk	–	646,340	646,340	–	279,186	279,186
Jumlah dibayar bagi unit-unit dibatalkan	5,525,537	–	5,525,537	3,361,319	–	3,361,319
(2,163,188)	–	(2,163,188)	(1,131,926)	–	(1,131,926)	
NAV pada akhir tahun kewangan	12,417,552	1,756,686	14,174,238	9,055,203	1,110,346	10,165,549
2014						
	Dana i-Mekar Modal pemegang- pemegang-	Dana i-Mekar Keuntungan unit RM	Dana i-Mekar Jumlah RM	Dana i-Mekar Modal pemegang- pemegang-	Dana i-Mekar Keuntungan unit RM	Dana i-Mekar Jumlah RM
	unit	terkumpul RM	Jumlah RM	unit	terkumpul RM	Jumlah RM
NAV pada permulaan tahun kewangan						
(Perbelanjaan)/Pendapatan bersih bagi tahun	12,251,502	2,710,604	14,962,106	5,636,784	507,760	6,144,544
Jumlah diterima daripada unit-unit dibentuk	–	(1,378,364)	(1,378,364)	–	2,202,844	2,202,844
Jumlah dibayar bagi unit-unit dibatalkan	25,174,139	–	25,174,139	7,639,037	–	7,639,037
(2,970,673)	–	(2,970,673)	(1,024,319)	–	(1,024,319)	
NAV pada akhir tahun kewangan	34,454,968	1,332,240	35,787,208	12,251,502	2,710,604	14,962,106

Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih (sambungan)
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2014

	2014			2013			
	Dana i-Majmuk Modal pemegang- pemegang-	Dana i-Majmuk Keuntungan unit RM	Dana i-Majmuk terkumpul RM	Jumlah RM	Dana i-Majmuk Modal pemegang- pemegang-	Dana i-Majmuk Keuntungan unit RM	Dana i-Majmuk terkumpul RM
NAV pada permulaan tahun kewangan (Perbelanjaan)/Pendapatan bersih bagi tahun	7,921,339	1,853,592	9,774,931		5,670,269	398,182	6,068,451
Jumlah diterima daripada unit-unit dibentuk	–	(698,043)	(698,043)		–	1,455,410	1,455,410
Jumlah dibayar bagi unit-unit dibatal	10,315,975	–	10,315,975		2,608,017	–	2,608,017
NAV pada akhir tahun kewangan	(1,602,721)	–	(1,602,721)		(356,947)	–	(356,947)
	16,634,593	1,155,549	17,790,142		7,921,339	1,853,592	9,774,931

Nota yang dilampirkan membentuk sebahagian penting maklumat kewangan ini.

Nota kepada Maklumat Kewangan

– 31 Disember 2014

1. Pengurus dan Kegiatan Utamanya

Dana i-Makmur, Dana i-Mekar dan Dana i-Majmuk (secara kolektifnya dikenali sebagai “Dana-dana”) diuruskan oleh Great Eastern Takaful Berhad (“Pengurus”). Pengurus diperbadankan sebagai sebuah syarikat sendirian berhad pada 29 September 2010, dibawah Akta Syarikat, 1965 dan bertempat di Malaysia. Pada 10 Disember 2013, status Pengurus telah ditukar daripada sebuah syarikat liabiliti sendirian berhad kepada sebuah syarikat awam. Aktiviti utamanya ialah pengurusan perniagaan takaful keluarga termasuk perniagaan berkaitan pelaburan takaful. Tidak terdapat perubahan ketara dalam jenis aktiviti sepanjang tahun kewangan.

Maklumat kewangan diluluskan untuk terbitan oleh Lembaga Pengarah Pengurus selaras dengan resolusi bertarikh 29 Januari 2015.

2. Dasar Perakaunan Penting

2.1 Asas Penyediaan

Maklumat kewangan Dana-dana telah disediakan selaras dengan dasar perakaunan dinyatakan dalam Nota 2.2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Insurans Berkaitan Pelaburan/Perniagaan Takaful dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”).

Maklumat kewangan telah disediakan dibawah konvensyen kos sejarah kecuali sebagaimana dinyatakan dalam polisi-polisi perakaunan penting dalam Nota 2.2 kepada maklumat kewangan.

Maklumat kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”).

2.2 Ringkasan dasar perakaunan penting

a. Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan diiktirafkan apabila berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi yang dikaitkan dengan transaksi itu akan mengalir ke dalam Dana-dana, dan jumlah pendapatan boleh dikira dengan pasti.

- i. Pendapatan keuntungan diiktirafkan atas dasar akruan yang mengambil kira kadar hasil efektif aset.
- ii. Pendapatan dividen diiktiraf atas dasar diisyiharkan apabila hak untuk menerima bayaran dibuktikan.
- iii. Perolehan hasil daripada jualan pelaburan adalah ditolak purata wajaran kos pelaburan. Keuntungan atau kerugian terhasil dimasukkan ke dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Nota kepada Maklumat Kewangan (sambungan)
– 31 Disember 2014

2. Dasar Perakaunan Penting (sambungan)

2.2 Ringkasan dasar perakaunan penting (sambungan)

(b) Caj pelaburan

Caj pelaburan dikira berdasarkan peruntukan dalam dokumen sijil.

(c) Terbitan bersih unit-unit

Terbitan bersih unit-unit mewakili caruman dibayar oleh pemegang-pemegang sijil sebagai bayaran bagi kontrak baru atau bayaran berikutnya untuk menambah jumlah kontrak tersebut. Terbitan bersih unit-unit diiktiraf atas dasar penerimaan.

(d) Pembatalan bersih unit-unit

Pembatalan bersih unit-unit mewakili pembatalan unit-unit timbul dari penyerahan dan pembatalan. Pembatalan diiktiraf apabila kontrak takaful berkaitan diserahkan.

(e) Cukai pendapatan

Cukai pendapatan ke atas lebihan dan defisit bagi tahun terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jumlah dijangka daripada cukai pendapatan perlu dibayar berhubung dengan pendapatan boleh cukai bagi tahun dan diukur dengan menggunakan kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh penyata aset dan liabiliti.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara antara asas cukai aset dan liabiliti dan amanannya dibawa ke penyata aset dan liabiliti pada tarikh pelaporan. Sebagai prinsip, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, setakat mana ia berkemungkinan bahawa keuntungan yang dikenakan cukai akan wujud yang mana perbezaan sementara boleh ditolak dapat digunakan, kerugian cukai belum guna dan kredit cukai belum guna turut boleh digunakan.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan diguna pakai dalam tempoh yang mana aset tersebut direalisasi atau liabiliti tersebut diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah berkuatkuasa atau sebahagian besarnya telah berkuatkuasa pada tarikh penyata aset dan liabiliti. Cukai tertunda diiktirafkan dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Nota kepada Maklumat Kewangan (sambungan)
– 31 Disember 2014

2. Dasar Perakaunan Penting (sambungan)

